

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEHADIRAN SECARA BERSEMUKA TANPA PENGGILIRAN BAGI
SEMUA MURID SEKOLAH RENDAH**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa kehadiran semua murid secara bersemuka tanpa penggiliran bagi sekolah rendah di negeri Kumpulan A (Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu) adalah mulai 17 April 2022. Bagi sekolah rendah di negeri Kumpulan B, (Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya) pula adalah mulai 18 April 2022.

Ketetapan ini terpakai kepada semua murid sekolah swasta, termasuk sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa yang setara dengan sekolah rendah KPM.

Keputusan ini adalah dengan mengambil kira kelancaran pengoperasian sekolah rendah secara bersemuka bermula pada 21 Mac 2022 dan pengoperasian sekolah menengah secara bersemuka tanpa penggiliran bermula pada 4 April 2022 serta pandangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

KPM juga menyarankan agar ketetapan ini turut terpakai di semua institusi pendidikan yang tidak berdaftar dengan KPM.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik..

– TAMAT –

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

9 APRIL 2022